Pengundi Melayu kini semakin kurang dari tahun ke tahun

Oleh RUHANIE HAJI AHMAD

TEKA-TEKI bilakah pilihanraya umum akan menjelma, tahun depan atau berikutnya, kini rancak dan menular dari segolongan ke segolongan rakyat, tanpa batas status atau ideologi, di seluruh negara.

Spekulasi tersebut mencerminkan kegairahan rakyat terhadap arus dan riak-gelombang politik tanahair serta membayangkan minat mereka terhadap sistem politik berdemokrasi di Malaysia.

Namun demikian, kegairahan minat itu tidak pula wajar dianggap manifestasi bahawa keseluruhan rakyat menyedari sepenuhnya tanggungjawab mereka "menghidup serta memberi makna kepada sistem politik berdemokrasi," seperti yang disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, baru-baru ini.

Maka tidak hairanlah sekiranya di antara golongan yang gairah berteka-teki tentang ketibaan pilihanraya umum itu, termasuk mereka yang layak menjadi pengundi sejak beberapa tahun lalu, tapi masih tetap mendiamkan diri walaupun kempen mendaftar pemilih, termasuk yang sedang berjalan sekarang sehingga 27 September ini, dilancarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dari masa ke semasa.

Peluk tubuh

Lebih menyayat rasa lagi bila diketahui bahawa golongan rakyat yang berpeluk tubuh itu bukan sahaja yang buta huruf dan jahil mengenai sistem demokrasi, malahan merangkumi kaum muda mudi terpelajar, intelek, profesyenal dan keluarga kakitangan Kerajaan yang serba ada dan serba mewah, hasil dari kemerdekaan negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Sepatah kata Datuk Musa sewaktu melancarkan kempen pendaftaran pengundi di Dewan Bahasa dan Pustaka 20 Ogos lalu, golongan "di luar atau di atas pagar" ini, adalah rakyat yang menyatakan mereka hidup mewah dan selesa sungguhpun mereka tidak mendaftar sebagai pengundi.

Mereka berpendapat walau siapa juga dipilih oleh rakyat jelata menerusi pilihanraya umum, kehidupan mereka kononnya tidak berubah, masa depannya tidak terjejas, kerana kononnya kedudukan kewangan mereka sudah kukuh.

Berapa ramaikah golongan sedemikian di tanahair sekarang? Jumlahnya mungkin sukar ditentukan, namun sudah pasti agak besar. Mereka sentiasa bertindak apabila berhadapan dengan masalah mendaftar sebagai pengundi.

Tapi mereka sering bersuara lantang mengkritik penuh emosi bahawa perjalanan jentera demokrasi kurang sihat, Kerajaan kurang adil dan berbagai lagi tohmah dan kerenahnya.

Golongan ini juga mungkin merangkumi muda mudi Malaysia yang hayal dengan kegairahan dadah, alunan muzik disko, serta kelazatan arak yang membasahi rongga setiap hari.

Terlupa

Mereka merupakan anak zaman merdeka yang dibesarkan menerusi didikan dan pelajaran zaman merdeka dan kadangkala terlupa erti merdeka, tarikh kemerdekaan negara dan sudah pasti tidak mengambil indah langsung akan erti kemerdekaan dan demokrasi.

Pokok persoalannya sekarang, ialah bagaimanakah cara paling berkesan mengejutkan golongan berkenaan supaya sedar akan tanggungjawab mereka dalam mengisi dan memberi makna terhadap sistem demokrasi, seperti yang ditegaskan oleh Datuk Musa itu.

Bagaimana? Apakah pendekatan paling sesuai untuk mengikis sikap tidak apa, sikap berpeluk tubuh, sikap berada di luar pagar yang sekiranya berlarutan, pasti tidak akan membantu Kerajaan dalam usaha mengukuhkan serta mengisi sistem demokrasi yang diamalkan di negara kita yang merdeka?

Wajarkah usaha memberi mereka bersama melibatkan diri dalam memberi makna kepada sistem demokrasi ini, khususnya mendaftarkan diri sebagai pemilih, diserahkan bulat-bulat kepada Suruhanjaya Pilihanraya?

Atau wajarkah golongan yang sedar akan makna demokrasi sebenarnya membantu pemerintah serta agensinya, dalam mendaftarkan mereka?

Untuk pengetahuan mereka ke pusat pendaftaran pemilih adalah satu tindakan yang tidak demokratik. Jadi, di sinilah bukan sahaja Suruhanjaya Pilihanraya serta parti-parti politik, tetapi juga pertubuhan sosial yang mendukung cita-cita Kerajaan, harus memainkan peranan.

Ceramah

Penerangan terperinci mengenai erti dan hakikat demokrasi perlu diberikan kepada mereka agar dengan secara sukarela mereka mendaftarkan diri sebagai pemilih.

Sekiranya pendekatan sedemikian kurang berkesan, sedikit pujukrayu dan unsur ugutan secara lembut, perlu dijalankan. Perlu juga dibisikkan ke telinga mereka, Kerajaan tidak boleh memaksa mereka mendaftar sebagai pengundi. Tapi pemerintah mengharapkan kerjasama, kesedaran serta penglibatan mereka dalam memperkukuh sistem demokrasi yang paling cucuk dengan cara hidup sejagat.

Sempena tempoh pendaftaran pemilih kali ini, badan-badan sukarela termasuk pertubuhan belia, persatuan peladang, persatuan nelayan, kelab-kelab kaum intelek dan mungkin juga Pemadam, perlu mengusahakan ceramah dan penerangan tentang perlunya setiap rakyat dan ahlinya yang berumur 21 tahun, mendaftar sebagai pemilih.

Badan-badan berkenaan wajar mengenalpastikan siapakah golongan sasaran yang perlu diutamakan agar tercapai objektif mengalakkan rakyat tampil ke muka dan mendaftar sebagai pemilih.

Bahan-bahan penerangan perlu disesuaikan pula dengan golongan sasaran yang tertentu. Umpamanya, pertubuhan belia yang akan berhadapan dengan generasi muda, perlu mengambil pendekatan yang menarik selera kaum muda.

Mereka perlu ditujukan dengan semangat cinta tanahair dan wajar juga diberi contoh bagaimana kaum muda di negara asing, negara maju khususnya, sentiasa berebut-rebut mendaftar sebagai pemilih kerana mereka bangga dengan hak mereka sebagai pengundi di sesuatu pilihanraya umum.

Kepada masyarakat Melayu, khususnya, perlu ditekankan hakikat bahawa kedinginan terhadap pendaftaran pemilih, adalah sungguh dirasai sekarang. Keadaan ini berbeza dengan kaum lain yang juga warganegara Malaysia.

Dikupas

Hakikat ini perlu dikupas secara rasional agar golongan Melayu yang bersikap tidak apa sedar dan insaf akan perananan dan tanggungjawab mereka sebagai rakyat yang benar-benar cintakan negara.

Golongan "bertidakapa" Melayu ini juga wajar disogokkan dengan fakta bahawa perangkaan kini membuktikan bahawa jumlah pengundi Melayu di negara ini sekarang berkurangan kira-kira 10 peratus di setiap pilihanraya sejak 1959. Ini satu perkara serius dan perlu diinsafi.

Mereka juga perlu diberikan penerangan bahawa sekiranya perangkaan pengundi Melayu berterusan menjunam dan tidak dapat diperbaiki menjelang pilihanraya umum akan datang, maka ini bererti di pilihanraya itu kelak, jumlah pengundi Melayu kurang dari separuh jumlah keseluruhan pengundi di negara ini.

Apakah implikasinya jika keadaan yang diramalkan itu menjadi realiti? Mungkinkah Melayu dapat bertahan sebagai teras politik negara ini di masa depan?

Di manakah mereka sekiranya kehilangan kuasa politik? Mahukah mereka dihayun dan dihempas badai perkauman corak politik negara yang mungkin membawa angkara serta memusnahkan cita-cita Kerajaan dalam menyusun semula struktur masyarakat dan membasmi kemiskinan, yang secara tidak langsung, menjejaskan masyarakat Melayu?

Pepatah

Atau, masih dapatkah mereka berbangga dengan kata-kata Hang Tuah, bahawa Melayu tidak akan hilang di dunia, bila Melayu sendiri bersikap tidak apa dalam keadaan yang semakin mencabar dan meruncing?

Jika golongan yang "bertidak-apa" ini sedar dan menyahut seruan untuk mendaftar sebagai pemilih, mungkin satu perkara lagi perlu diambil kira penuh berhati-hati.

Masalah ini berkaitan dengan ketelitian mereka sewaktu mengisi borang yang disediakan. Wajib ditekankan supaya segala butir yang dikehendaki dijawab dengan betul dan tepat, agar pendaftaran itu benar-benar terdaftar dalam daftar Suruhanjaya Pilihanraya kelak.

Kalau sekadar mengisi borang dengan sambil lewa, akan sia-sia belaka kerana permohonan mereka menjadi pemilih mungkin tidak terdaftar akibat berlaku kecacatan.

Maka menjadi tanggungjawab pihak yang memainkan peranan supaya mereka yang dapat disedar untuk melibatkan diri mendaftar sebagai pemilih itu benar-benar memahami apakah yang diperlukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam borang tertentu.

Di samping itu pula, adalah juga menjadi tugas setiap pemilih yang mendaftar untuk menyemak nama mereka bila daftar terbaru yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dipamerkan di tempat-tempat awam agar mereka yang tercicir dapat dirangkumkan semula dalam daftar yang besar ertinya dalam sesuatu pilihanraya umum.

Mustahak

Tindakan susulan ini sungguh mustahak dan perlu diberikan perhatian sewajarnya seperti tindakan mendaftar diri sebagai pemilih.

Sering terjadi seorang hamba Allah hampa tidak dapat mengundi di sesuatu pilihanraya walaupun ia sudah mendaftar sebagai pemilih.

Kepincangan seperti ini selalunya timbul akibat kecuaian hamba Allah berkenaan untuk menyemak namanya di senarai terbaru yang dipamerkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Oleh itu, dalam kegairahan mendaftar sebagai pemilih, seseorang itu perlu juga mempunyai kegairahan menycmak namanya didaftar yang akan dipamerkan kelak semuga dia tidak tercicir dan mensia-siakan haknya sebagai rakyat yang turut menegakkan sistem demokrasi di negara ini.

Demokrasi adalah sistem politik Malaysia. Oleh itu setiap rakyat yang bertanggungjawab perlu mendaftar serta menyemak daftar itu kelak, sekiranya dia benar-benar berhasrat menggunakan hak demokrasinya dengan sepenuhnya.

● *DATUK Musa hitam bercucap semasa merasmikan kempen mendaftar pengundi di DBP Kuala Lumpur pada 20 Ogos lalu.*

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia